

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN NO. 168

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian berkaitan dengan kuota kemasukan pelajar Matrikulasi yang menjadi isu hangat kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera dengan pertambahan kepada 40,000 tempat selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019.